

**Rakyat diingatkan beri kerjasama pada PDRM - Tun M
Astro Awani
25 Mac 2019
Fareez Azman,**

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat di negara ini jangan mengambil sikap tidak tahu atau berpaling muka sebaliknya memberi bekerjasama kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam melaporkan sebarang jenayah.

Menurut Perdana Menteri, kerjasama seluruh rakyat mampu mengurangkan kadar jenayah serta tindakan penahanan penjenayah boleh dilakukan.

Dr Mahathir berkata, penglibatan rakyat amat penting dalam membantu PDRM menangani jenayah dan usaha tindakan anasir cuba mengugat kedaulatan negara dan ketenteraman rakyat.

“Rakyat perlu sedar, amanah keselamatan negara dibahu PDRM tetapi keberkesanan tindakan mereka bergantung kerjasama daripada kita.

"Jika kita ambil sikap memaling muka apabila berlaku jenayah terhadap orang lain dan tidak ambil insiatif lapor polis penjenayah itu mungkin akan terlepas.

"Jangan lupa apabila suatu hari jenayah terjadi terhadap diri kita dan orang lain ambil sikap tidak tahu kita akan derita dan penjenayah bebas," kata beliau.

Dr Mahathir berkata demikian dalam Amanat Perdana Menteri sempena Sambutan Hari Polis 212 di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur pada Isnin.

Hadir sama dalam majlis itu ialah Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Peguam Negara, Tommy Thomas dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun.

© 2019 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/rakyat-diingat-berkerjasama-pada-pdrm-tun-m-202075>